

27 APR 1997

Sarji-Media

MALAYSIA PERLU PELOPORI USAHA BAIKI IMEJ ISLAM MELALUI MEDIA

KUALA LUMPUR, 27 April (Bernama) -- Malaysia perlu mempelopori usaha membaiki imej Islam melalui rangkaian media yang mampu menepis segala tindak-tanduk media barat yang sentiasa berusaha memburukkan Islam pada kaca mata dunia.

Demikian dicadangkan oleh simposium antarabangsa tiga hari mengenai Dunia Islam dan Kerjasama Global yang diadakan di sini.

Pengerusi Institut Kefahaman Islam Malaysia (Ikim) Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid berkata para peserta simposium itu berpendapat Malaysia perlu memulakan usaha membentuk minda masyarakat dunia yang kini mendapat gambaran mengenai Islam hanya melalui media barat yang kebanyakannya dikuasai bukan Islam.

"Hampir kesemua peserta simposium ini berpendapat bahawa Malaysia mampu mempelopori negara-negara lain bagi membetulkan imej Islam menerusi media kerana kita mempunyai kepakaran berbuat demikian," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis penutup simposium anjuran Ikim dan Oxford Centre For Islamic Studies di sini hari ini.

Simposium itu dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Jumaat lepas dan disertai 150 peserta terdiri daripada ahli politik, golongan korporat, pegawai kerajaan dan wartawan dari beberapa buah negara.

"Kebanyakan peserta berpendapat dunia Islam tidak mendapat gambaran yang baik dalam media yang dikuasai bukan Islam mungkin kerana salah faham mereka tentang prinsip Islam atau memang disengajakan," kata Sarji.

Beliau berkata para peserta berpendapat Malaysia mampu menjuarai langkah ini kerana negara telah mendapat pendedahan dan pengetahuan yang mendalam dalam bidang itu terutama melalui internet dan projek Koridor raya Multimedia yang sedang giat dilaksanakan.

Mengenai konsep ekonomi Islam yang turut dibincangkan di simposium itu, Sarji berkata cadangan dibuat untuk mengadakan kajian mengenai kejayaan negara-negara Islam yang dapat membangunkan Islam dengan berkesan melalui program ekonomi masing-masing.

Para peserta memberi contoh Malaysia yang berjaya mengamalkan konsep Islam melalui penubuhan institusi seperti Bank Islam, Sekuriti Islam, Lembaga Urusan dan Tabung Haji, Insurans Takaful dan Universiti Islam Antarabangsa.

"Mereka juga mencadangkan supaya diadakan pertukaran antara usahawan-usahawan muda, golongan akademik dan belia dari negara-negara Islam dan bukan Islam, bagi memberi peluang kepada mereka mendalami isu toleransi dan pergaulan antara kaum," katanya.

Selain itu, kata Sarji, peranan wanita dalam konteks pembangunan negara turut disentuh oleh para peserta yang berpendapat mereka perlu diberi peranan sewajarnya dalam memajukan negara. -- BERNAMA

WNZ RON